



EMBARGO: Tidak boleh dicetak  
atau disiarkan sebelum 7  
November 2022, 10.00 pagi

UKK/600-01/02 Jld 7

## SIARAN MEDIA

### MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) “PROGRAM SENI VISUAL KONTEMPORARI” ANTARA MAJLIS BANDARAYA IPOH DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

**IPOH, PERAK** – Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi “Program Seni Visual Kontemporari” bersama Majlis Bandaraya Ipoh. Ia bertujuan bagi membangunkan penubuhan cawangan LPSVN iaitu Balai Seni Negara di Ipoh, Perak.

Memorandum ini ditandatangani oleh YBhg. Dato’ Rumaizi Bin Baharin @ Md Daud, Datuk Bandar Ipoh dan YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara di Travelodge Ipoh, Perak. Majlis menandatangani memorandum ini turut disaksikan oleh YBhg. Datuk Hajah Saraya Binti Arbi, Ketua Setiausaha MOTAC dan YBhg. Dato’ Mohamad Kamil Bin Dato’ Haji Shafie, Pengerusi Lembaga Pengarah, Tourism Perak Management Berhad.

Melalui pemeteraian memorandum ini, kerjasama antara LPSVN dan Majlis Bandaraya Ipoh dapat diwujudkan dalam mengangkat seni visual kontemporari di negeri Perak, khususnya di Ipoh menerusi penubuhan cawangan LPSVN yang bakal ditempatkan di Bangunan Ibu Pejabat Pos Lama Ipoh, penganjuran pameran dan program serta aktiviti yang berkaitan dengan seni.

Menyorot kembali sejarah Bangunan Ibu Pejabat Pos Lama, ia dibina sekitar tahun 1913 sehingga 1916. Bangunan ini telah digunakan sejak sebelum kemerdekaan termasuk oleh Pesuruhjaya British pada ketika itu. Bangunan ini terletak di Jalan Dato’ Sagor, Bandar Ipoh dimana kedudukannya berhadapan dengan Masjid Negeri Perak iaitu Masjid Sultan Idris Shah II.

Menurut YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, “Dengan temeterainya MoU ini dapat memberi aksesibiliti dan inspirasi peminat seni kontemporari menghayati karya-karya penanda aras terbaik seni sezaman negara di luar ibu negara. Ruang baharu ini juga akan menjadi hub menghubungkan inisiatif kreatif seniman berpameran dan beraktiviti di zon utara dengan prasarana dan kerjasama terbaik disediakan pihak negeri dan persekutuan.”

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat**

**BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Sarifah Abu Bakar Ebau**

T: +60 16 494 7921

E: [sarifah@artgallery.gov.my](mailto:sarifah@artgallery.gov.my)

**Wan Nor Hidayah Wan Idris**

T: +60 17 987 3303

E: [hidayah@artgallery.gov.my](mailto:hidayah@artgallery.gov.my)